



TIP BAGAIMANA KEKAL BERSEDIA UNTUK KEGAWATAN EKONOMI

Adakah anda bersedia untuk menghadapi krisis ekonomi global? Di sini kami menyediakan tip bagaimana untuk kekal bersedia dari segi kewangan bagi menghadapi kegawatan ekonomi:

1 Tip #1: Labur ke atas diri sendiri untuk meningkatkan kapasiti pendapatan anda

Bagaimanakah cara untuk memastikan anda kekal relevan dan penting untuk majikan anda? Jika anda meluangkan masa untuk menghargai dan mengembangkan kemahiran diri, bukan sahaja anda dapat menilai

Bagaimana ?

- Tetapkan laluan kerjaya anda dan pilih kelas dalam talian yang membantu meningkatkan kelayakan anda.
- Cari mentor, atau seseorang yang berpangkat lebih tinggi dan mempunyai lebih banyak pengalaman dalam laluan kerjaya yang sama seperti disasarkan.
- Nilai kembali kerjaya sedia ada. Berikan lebih dedikasi dan berusaha lebih serta cuba untuk kenaikan pangkat!
- Fokus untuk menjadi pekerja terbaik bulanan atau mendapatkan sebarang penghargaan dan pastikan rekod kerja serta imej anda bersih di tempat kerja. Apabila berlakunya pembuangan pekerja, mereka akan bermula dengan yang paling lemah.
- Pilih kerja tambahan atau cari pekerjaan yang boleh memberi gaji yang lebih.
- Perbaiki diri sekarang, sementara anda bekerja, jangan tangguh!

BETTER
LATER
THAN
NEVER





2

Tip #2: Kekalkan nilai wang simpanan anda sekurang-kurangnya untuk 6 bulan perbelanjaan

- o Adakah anda mempunyai dana kecemasan sendiri?
- o Mengikut Laporan AKPK dalam Keadaan Ekonomi Pekerja di Malaysia 2018, lebih daripada separuh (52%) rakyat Malaysia yang memperoleh pendapatan sebanyak RM2,000 sebulan tidak mampu untuk menanggung perbelanjaan kecemasan sebanyak RM1,000.
- o Prinsip asas simpanan adalah dengan mengasingkan simpanan sebanyak setengah tahun perbelanjaan. Lebih banyak simpanan anda, lebih bagus dan jumlah paling ideal adalah perbelanjaan setahun.

3

Tip #3: Selesaikan semua hutang anda, terutamanya yang mempunyai kadar faedah tinggi

- o Kita wajib membayar semua hutang.
- o Jika anda tidak mampu, sekurang-kurangnya utamakan hutang yang mempunyai kadar faedah paling tinggi. Kenapa perkara ini penting?
- Jika anda berdepan dengan kegawatan ekonomi, peluang untuk anda dibuang kerja adalah 50% lebih tinggi berbanding keadaan ekonomi yang biasa.
- Kehilangan sumber pencarian tanpa pengganti pendapatan sangatlah membebaskan bagi mana-mana individu sekalipun. Jadi, tanpa sumber pendapatan, anda akan mula kehilangan wang simpanan.
- Lama-kelamaan, anda perlu menjual aset untuk menyara hidup anda dan ini berkemungkinan akan menyebabkan anda mufis atau lebih teruk, hidup sebatang kara!



4

Tip #4: Kurangkan perbelanjaan anda

- o Analisis perbelanjaan anda dan cari alternatif yang lebih murah.
- o Tetapkan belanjawan yang anda perlu ikut dan simpan wang tunai dengan jumlah tertentu untuk kegunaan di masa hadapan.
- o Berjaga-jagalah dengan apa yang anda belanjakan. Elakkan membeli barangan yang akan susut nilai mengikut masa.
- o Jangan berbelanja diluar kemampuan semata-mata untuk menarik perhatian jiran atau rakan anda.



5

Tip #5: Pantau 'skor kredit' pinjaman anda:

o Skor kredit ialah skor yang menggambarkan kelayakan kredit pengguna. Semakin tinggi nilai skor, semakin tinggi peluang pinjaman anda diluluskan. Skor kredit merujuk kepada sejarah kredit seperti jumlah akaun bank yang dibuka, jumlah pinjaman, sejarah pembayaran balik dan faktor-faktor lain. Pemberi pinjaman akan menggunakan skor kredit ini untuk menilai kebarangkalian seseorang membayar balik pinjaman tepat pada masanya.

o Anda mungkin tertanya-tanya perlukah anda ambil kisah tentang 'skor kredit' pinjaman anda jika berlakunya kegawatan ekonomi? Jawapannya, ya. Harga aset akan berkurangan ketika kegawatan ekonomi, begitu juga kadar faedah.

o Ketika harga aset jatuh, anda mungkin ingin membeli aset, walau bagaimanapun, kelulusan pinjaman dari bank tidak mudah. Pihak bank hanya akan meluluskan pinjaman terhadap sesiapa yang mempunyai rekod kredit yang cantik/bersih serta memenuhi kelayakan pinjaman minima berdasarkan pendapatan bulanan. 'Skor kredit' anda mesti berada di kedudukan terbaik sebelum bank dapat mempertimbangkan untuk meluluskan pinjaman anda.

o Sebelum itu, pastikan anda melakukan 3 perkara ini:

- Semak laporan kredit (CCRIS) anda secara berkala.
- Buat pembayaran pinjaman sebelum tarikh matang.
- Perhatikan apa-apa butiran terperinci yang boleh menjejaskan





6 Tip #6: Terapkan tabiat perancangan kewangan!

o Anda perlu sedar bahawa kegawatan ekonomi tidak dapat dielakkan. Oleh itu, anda perlu berusaha ke arah menambah baik tabiat pemikiran kewangan anda. Ingat, emosi sukar dikawal!

Bagaimana ?

- Tetapkan matlamat kewangan yang jelas:
 - Jika anda mahu menyimpan untuk membeli rumah pertama, kenal pasti kemampuan simpanan anda setiap bulan dan dari situ, anda kira jangka masa yang diperlukan untuk mencapai jumlah simpanan pembelian rumah pertama anda.
- Rangka dan kekalkan tabiat kewangan yang baik:
 - Apabila matlamat telah ditetapkan, anda harus menerapkan tabiat kewangan yang baik dan berterusan.
 - Kenal pasti ke mana wang anda pergi dan pastikan anda boleh asingkan sebahagian daripadanya untuk simpanan.
 - Mulakan simpanan dengan jumlah yang kecil, seperti RM1 setiap hari dimasukkan ke dalam tabung. Cara yang mudah dan tidak membebankan. Setelah anda merasa selesai dan dapat melakukan secara konsisten, cuba tingkatkan jumlah simpanan. Anda akan dapat menyimpan lebih banyak t anpa tergesa-gesa.
- Dapatkan nasihat pakar:
 - Jika anda kurang pasti dengan keputusan kewangan yang ingin diambil, panduan dan nasihat daripada penasihat kewangan berlesen adalah penting untuk merancang kewangan dengan lebih tersusun dan menyeluruh.
 - Berdasarkan sejarah kewangan anda, penasihat kewangan akan mengenal pasti kedudukan kewangan terkini dan boleh merangka pelan yang lebih baik serta mampu memberikan pulangan yang kurang berisiko.

BETTER
LATER
THAN
NEVER

